

21/06/2001

Rakyat perlu fahami amanat Dr Mahathir

PERHIMPUNAN Agung Umno yang bermula hari ini berlangsung dalam suasana penuh cabaran. Masalah politik yang ditambah pula dengan tekanan ekonomi yang melanda negara, agak mencengkam. Rakyat pula diapi-apikan oleh mereka yang tidak senang dengan kekuasaan Umno, supaya merasai bahangnya dengan niat untuk melumpuhkan Umno. Jasa Umno cuba dinafikan, seolah-olah parti yang bangkit kesan kesedaran dan perjuangan orang Melayu dan Islam, tidak berjasa kepada nusa dan bangsa.

Perhimpunan agung kali ini diadakan ketika orang Melayu dan bangsa Malaysia sedang meniti jambatan menghadapi perubahan nilai hidup dan pemikiran, kesan pengaruh persekitaran dan kemajuan teknologi yang dilingkari pelbagai tuntutan baru. Desakan untuk meningkatkan taraf hidup turut mempengaruhi cara hidup moden mereka.

Nilai yang tertanam dalam jiwa generasi baru hari ini jauh berbeza dengan tuntutan murni ketika Umno memperjuangkan kemerdekaan dan menghalau penjajah dari bumi bertuah ini. Usaha mengajak rakyat menoleh kebelakangan supaya menilai pahit getir perjuangan Umno seolah-olah dipandang ringan. Bangsa Melayu seolah-olah hilang pedoman terhadap erti perjuangan. Umno sajalah diharap-harapkan dapat membetulkan haluan.

Umno perlu berubah sejajar dengan tuntutan semasa. Ini adalah cabaran besar yang perlu dilalui sejak diwujudkan 55 tahun lalu. Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya mampu memikul tanggungjawab besar yang diletakkan di atas bahunya jika mendapat sokongan padu ahli Umno dan seluruh orang Melayu. Sebenarnya Umno tidak sepatutnya gentar dengan pengaruh parti pembangkang yang berfikiran sempit. Apa yang perlu dihadapi ialah cara mana Umno mampu meyakinkan rakyat terhadap perjuangan parti yang tidak pernah berganjak dalam menegakkan maruah orang Melayu dan Islam.

Walaupun pengaruh luaran untuk mencemarkan Umno datang ibarat gelombang, muslihat musuh dari dalam negara ini sendiri, bukanlah calang kepalang. Tiupan fitnah dan nista mereka untuk memporak-perandakan keharmonian rakyat supaya membenci Umno sudah sampai pada tahap berbisa. Mereka menggunakan Islam dan ideologi dan hak asasi yang luar biasa sebagai senjata untuk menghakis kekuatan Umno. Umno akan tenggelam jika tidak ada usaha berkesan dimulakan sekarang untuk menangkis usaha itu. Umno akan lemas jika terus leka.

Umno hari ini bernasib baik kerana masih mempunyai Dr Mahathir dan beberapa pemimpin tertinggi lain yang tetap menunjukkan keikhlasan mempertahankan maruah bangsa dan tidak pernah mengenal erti tewas dalam perjuangan. Mereka masih sanggup berada di barisan depan, walaupun menghadapi serangan bertubi-tubi. Sejauh mana mereka boleh bertahan hanya boleh dijawab oleh orang Melayu sendiri. Tepuk dada, tanya selera.

Hari ini, sekali lagi Dr Mahathir menyampaikan amanatnya, khas untuk orang Melayu dan rakyat Malaysia. Setiap rakyat perlu memahami setiap kata-katanya kerana ia adalah untuk kepentingan semua. Presiden Umno itu hanya mampu memberi nasihat sedangkan mati atau hidupnya Umno dengan gagah terletak di tangan ahli-ahlinya.

(END)